

HUSAIN BIN MAHMOOD  
1534 Jalan Senai Utama 1/14,  
Taman Senai Utama,  
81400 Senai,  
JOHOR.

husainmahmood@hotmail.com

---

Kepada;  
YB Datuk Seri Panglima Dr. Maximus J. Ongkili,  
Pengerusi,  
Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya,  
Parlimen Malaysia, Bangunan Parlimen,  
Jalan Parlimen,  
**50680 KUALA LUMPUR**

YB Datuk dan YB Ahli-ahli Jawatankuasa Yang Dihormati,

Terlebih dahulu izinkan saya menyatakan penghargaan saya kepada jawatankuasa ini. Saya ingin memberi cadangan-cadangan berikut ke arah penambahbaikan proses pilihan raya di Malaysia.

#### **A. CALON PILIHAN RAYA**

1. Pada masa ini, pegawai bergaji tetap seperti pegawai kerajaan dan swasta tidak dibolehkan bertanding sebagai calon dalam pilihan raya. Walaupun peraturan ini mempunyai tujuan tersendiri, ia perlu dipinda kerana ia telah meyekat pegawai awam dan swasta yang berbakat dan berkebolehan daripada menjadi wakil rakyat sedangkan Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri memerlukan warganegara yang berciri sedemikian. Untuk mengatasi masalah ini, pegawai awam tidak perlu meletak jawatan terlebih dahulu untuk menyertai pilihan raya. Mereka boleh diberikan cuti selama sebulan bermula pada hari penamaan calon. Perletakan jawatan secara automatik akan berkuatkuasa serta-merta jika mereka memenangi mana-mana kerusi pilihanraya tanpa kehilangan faedah pencen dan sebagainya sebagai pegawai awam kerana telah menjayakan proses pilihanraya negara. Mereka yang kalah boleh kembali bertugas seperti biasa dalam perkhidmatan awam. Selama ini pegawai awam yang berkebolehan dan berpengalaman luas dalam perkhidmatan masyarakat dan NGO berdepan risiko besar kerana perlu meletak jawatan terlebih dahulu semata-mata mahu menawarkan diri berkhidmat kepada rakyat untuk menjadi ahli dewan perundangan.

#### **B. PILIHAN RAYA KECIL**

1. Pilihan raya kecil kerap diadakan selepas pilihan raya umum kerana kematian dan perletakan jawatan wakil rakyat. Jika diperhalusi dengan lebih lanjut, ia merugikan rakyat dan negara sendiri kerana semata-mata untuk menjayakan demokrasi dan pilihan raya, negara terpaksa membelanjakan jutaan ringgit setiap kali pilihan raya kecil sedangkan sumber tersebut adalah terhad dan sepatutnya digunakan untuk faedah

kemajuan hidup rakyat dan pembangunan negara seperti pembasmian kemiskinan. Menggunakan sumber-sumber negara dengan cekap juga adalah sebahagian daripada kejayaan proses demokrasi. Oleh itu dicadangkan tiada pilihan raya kecil selepas pilihan raya umum dalam keadaan berikut:

- a. Jika wakil rakyat yang meninggal itu bertanding dengan mewakili parti politik, maka parti politik tersebut bolehlah menamakan seorang wakil rakyat baru untuk menggantikan wakil rakyat yang meninggal dunia.
- b. Jika wakil rakyat itu meletakkan jawatan, sama ada calon berparti atau calon bebas, maka secara automatik calon yang kedua mendapat undi terbanyak ditawarkan sebagai wakil rakyat. Jika calon tersebut juga menolak atau telah meninggal dunia, tawaran boleh diberikan kepada calon ketiga dan seterusnya. Jika semuanya menolak maka barulah pilihanraya kecil diadakan.
- c. Jika sesuatu kerusi itu dimenangi secara tanpa bertanding dan wakil rakyat tersebut meninggal dunia atau meletak jawatan, maka barulah pilihan raya kecil diadakan.

### **C. DEPOSIT PILIHAN RAYA**

1. Calon pilihan raya yang tidak mendapat jumlah undi pada kadar tertentu disyorkan hanya hilang sebahagian, misalnya 40% daripada wang pertaruhan kerana calon tersebut sebenarnya telah berkorban dari segi harta benda, psikologi dan maruah dengan menawarkan diri bertanding dalam pilihan raya. Jika kehilangan kesemua wang pertaruhan, ia seolah-olah menjadi hukuman awal kepada mana-mana calon sedangkan mereka adalah warga negara yang menjayakan sistem demokrasi di negara kita.

### **D. TEMPOH PILIHAN RAYA**

1. Perlembagaan menetapkan Pilihan Raya Umum di negara kita hendaklah diadakan dalam jangka masa tidak melebihi 5 tahun sekali. Pada kebiasaannya kerajaan mengadakan pilihanraya umum pada tahun keempat atau belum cukup 5 tahun, atau dalam jangka masa 4 tahun lebih. Pada pemerhatian saya, tiga tahun sebelum Pilihanraya Umum, rakyat telah bercakap mengenai pilihanraya akan datang dan bertambah ghairah sebelum dua tahun pilihanraya umum sehingga tumpuan produktiviti kerja tidak diutamakan. Apa lagi jika setahun lagi pilihanraya umum akan diadakan, masing-masing akan memberi tumpuan terhadap isu-isu pilihanraya. Oleh itu saya mencadangkan patut dikaji Pilihanraya Umum selepas PRU ke 13 adalah selama 6 tahun sekali. Ia akan memberi peluang kepada kerajaan memberi tumpuan terhadap pembangunan dan ekonomi negara ke arah meningkatkan kualiti hidup rakyat daripada terpaksa melayan terlalu banyak isu-isu politik.

Ragam Pilihanraya 5 tahun sekali dapat ditunjukkan sebagaimana jadual berikut:

Tahun Pertama	Meraikan Kemenangan Pilihanraya
Tahun Kedua	Tumpuan kepada pembangunan negara
Tahun Ketiga	Cakap-cakap Pilihanraya
Tahun Keempat	Tertunggu-tunggu Pilihanraya
Tahun Kelima	Ghairah Pilihanraya

#### **E. TEMPOH BERKEMPEN**

1. Pada hemat saya, tempoh berkempen yang sesuai dalam konteks negara kita ialah dalam lingkungan 14 hingga 21 hari kerana ia dapat memberi keadilan kepada semua parti politik, calon dan penyokong untuk mendekati pengundi. Tempoh berkempen yang pendek seperti 8 hingga 10 hari kelihatan tergesa-gesa, tidak meluas dan tidak mesra pengundi kerana pengundi juga memerlukan masa untuk mengenali calon-calon dengan lebih terperinci sebelum membuat keputusan.

#### **F. CALON YANG TEWAS PILIHANRAYA BAHAGIAN PARLIMEN**

1. Calon yang telah kalah dalam pilihan raya bahagian Parlimen dicadangkan tidak boleh dilantik menjadi senator sehingga tempoh pilihanraya umum akan datang kerana dia telah tidak dipilih oleh rakyat. Ini untuk mengelak daripada rakyat merasa tidak ada faedah keluar mengundi kerana kalah atau menang, ahli politik akhirnya akan menjadi ahli Parlimen sama ada di Dewan Rakyat atau Dewan Negara.

#### **G. PENDAFTARAN PEMILIH**

1. Pada masa ini seseorang warganegara hanya layak memohon mendaftar sebagai pemilih apabila berumur 21 tahun. Pendaftaran pemilih pula memerlukan pengesahan oleh SPR. Ini menyebabkan mana-mana warganegara yang baru cukup umur 21 tahun tidak semestinya berpeluang mengundi pada tahun dia berumur 21 tahun jika pilihan raya umum diadakan sebulan atau dua bulan selepas dia mendaftar sebagai pemilih kerana semata-mata masalah sistem dan pentadbiran. Oleh itu disyorkan pendaftaran pemilih boleh dibuat apabila seseorang itu berumur 20 tahun dan layak hak mengundi jika hanya telah berumur 21 tahun. SPR mempunyai setahun untuk memproses sebelum bakal pengundi berumur 21 tahun.

Contoh:

Nama : ANAK BIN BAPA
Tarikh Lahir : 1 April 1991
Tarikh Pilihan Raya Umum Ke 13: Andaikan pada 1 April 2012 atau 2 Mei 2012. Pada tarikh ini, Anak bin Bapa telah berumur 21 tahun atau 21 tahun 1 bulan tetapi berkemungkinan tidak dapat mengundi dalam PRU ke 13. Akibatnya generasi baru lambat mendaftar kerana menunggu pilihan raya umum 5 tahun lagi untuk berbuat demikian.

2. Pada masa ini bakal pemilih baru hanya didaftarkan daerah mengundi mengikut alamat semasa sebagaimana alamat dalam kad pengenalan masing-masing. Bakal pemilih sepatutnya dibenar mendaftar di mana-mana kawasan pilihan raya yang dia ada kepentingan seperti harta, keluarga, tempat asal, dan tempat kelahiran sebagaimana hak-hak dalam Perlembagaan.

#### **H. KEMUDAHAN UNTUK PENGUNDI PADA HARI MENGUNDI**

1. Pengundi pada kebiasaannya terpaksa berdiri dengan beratur panjang terutamanya di sebelah pagi sehingga menimbulkan stres sementara kerana ramai pengundi menunggu giliran masing-masing untuk menjalankan tanggungjawab sebagai pengundi. Berdasarkan pemerhatian, saya juga mendapati tidak semua orang mampu berdiri selama setengah jam atau lebih. Oleh itu kemudahan tempat duduk seperti kerusi hendaklah disediakan kepada pengundi. Ia tidaklah menyusahkan kerana sekolah sebagai tempat mengundi mempunyai banyak kerusi yang tidak digunakan pada hari tersebut.
2. Setiap pengundi wajar ditanggung kos mengundiseperti duit tambang untuk pergi dan balik dari mengundi pada kadar tertentu yang munasabah, misalnya RM 30 atau RM 40 seorang. Ia boleh diberi sama ada dalam bentuk tunai atau baucer, mana yang tidak menyusahkan. Cadangan ini mungkin dilihat sebagai tidak patriotik kerana memberi wang kepada warga negara yang pergi mengundi sedangkan mengundi adalah menjadi tanggungjawab setiap pemilih yang berdaftar. Walau bagaimanapun ia bukanlah sebagai upah mengundi tetapi sebagai menampung kos pergi mengundi seperti tambang teksi dan kos petrol. Kos ini ditanggung sekali dalam masa 5 tahun dan tidaklah membebankan negara. Saya telah bertanya kepada ramai orang tentang idea ini dan rata-rata mereka bersetuju dan menyambut baik cadangan ini di atas alasan kos, walaupun tidak seberapa. Kita tidak sepatutnya berhujah bahawa takkanlah untuk mengundi 5 tahun sekali pun negara kena tanggung dan tidak sanggup berkorban untuk negara kerana ia adalah dalam konteks yang lain. Perlu disedari bahawa ada orang yang tidak keluar mengundi sama ada di bandar atau di luar bandar kerana tidak mahu atau tidak mampu mengeluarkan kos tambahan pada hari berkenaan.


#### **I. ORGANISASI SPR**

1. SPR patut memperkasakan bahagian penyelidikan dalam organisasinya sendiri untuk mengenalpasti dan mencadangkan langkah penyelesaian terhadap isu-isu mengenai pilihan raya yang berbangkit pada masa depan. Sebagai contoh, SPR perlu diberi galakan dan kemudahan kewangan untuk menjalin hubungan penyelidikan secara giat dengan IPTA dan IPTS ke arah berkongsi kepakaran

dengan penyelidikan mengenai politik dan sistem pilihan raya. Budaya ini tidaklah sukar kerana berdasarkan pengalaman, saya mendapati SPR adalah sebuah organisasi yang menghargai ilmu dan menggunakan hasil penyelidikan dengan baik sekali.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



**(HUSAIN BIN MAHMOOD)**  
JOHOR BAHRU,

Bertarikh: 12 Januari 2012.